

MATAPELAJARAN: BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TEMA 7: Cuti-cuti Malaysia

- Unit 19: Destinasi Impian.

S.K: 1.4 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.

S.P: 1.4.1 Menyalurkan maklumat dalam bentuk pendapat menggunakan ayat lengkap.

OBJEKTIF:

Membolehkan murid:

- a) memberikan sekurang-kurangnya 2 pendapat tentang dialog tersebut.
- b) menyenaraikan sekurang-kurangnya 3 ayat perintah berdasarkan dialog.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

ARAHAN: Dengar dan lakonkan perbualan di bawah.

Kampung Budaya Mari Mari

Hanif dan Nabila telah mewakili sekolah dalam lawatan ke Sabah. Pada hari kedua lawatan, mereka ke Kampung Budaya Mari Mari di Inanam, Sabah.

Minta perhatian semua. Di sini, kita akan melihat kehidupan dan budaya lima etnik utama di Sabah, iaitu Kadazandusun, Rungus, Lundayeh, Bajau dan Murut.

Baiklah, murid-murid. Sila beratur sebelum masuk ke dalam. Tunjukkanlah kelakuan yang baik sepanjang lawatan ini. Usah sentuh barangan yang dipamerkan.



Hanif, apakah lagi peraturan lain semasa berada di sini?

Baiklah. Nanti, saya beritahu kawan-kawan tentang peraturan tersebut.

Baiklah. Mari kita masuk ke dalam rumah itu.



Aktiviti
Membina ayat perintah.

Info Bahasa

Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Terdapat empat jenis ayat perintah.

1. Ayat suruhan bertujuan untuk memberikan arahan.
2. Ayat larangan ialah ayat dengan kata karangan jangan dan usah yang bertujuan untuk menegah seseorang melakukan sesuatu.
3. Ayat sila ialah ayat dengan kata sila seperti sila dan jemput yang bertujuan untuk mempersilakan seseorang.
4. Ayat permintaan ialah ayat dengan kata permintaan seperti minta dan tolong yang bertujuan untuk memohon pertolongan atau membuat permintaan.

- 1) Sila bina ayat perintah yang betul berdasarkan dialog di atas.

beritahu rakan-rakan yang lain.

masuk ke dalam.

buang sampah di merata-rata tempat.

Hanif: Jangan _____
Buanglah di tempat yang disediakan. Tolong _____

Nabila: Marilah kita masuk ke dalam rumah itu.

Hanif: Jemputlah _____